

19 AUG 2004

MIC-Perhimpunan

KERAJAAN RANCANG TUBUH J'KUASA PEMANTAU KAJI PEGANGAN EKUITI KAUM INDIA

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Kerajaan merancang untuk menubuhkan satu jawatankuasa pemantau bagi mengkaji pemilikan ekuiti kaum India dalam negara dan merumuskan cara untuk meningkatkan lagi ekuiti semasa kaum itu, yang pada masa ini berada pada tahap 1.5 peratus, kata Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu di sini hari ini.

Beliau berkata cadangan itu telah dikemukakan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mustapa Mohamed, yang merupakan pengarah eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara dalam pertemuan mereka baru-baru ini.

"Dia ingin tahu bagaimana cara kita untuk meningkatkan pegangan ekuiti kaum India dalam negara dari 1.5 peratus kepada 3 peratus dalam jangka masa 10 tahun berikutnya dan apa yang dicadangkan adalah untuk kerajaan tubuhkan sebuah jawatankuasa bagi memantau keadaan dan mengambil pelbagai langkah yang sesuai berdasarkan kepada maklumbalas dari MIC.

"Datuk Mustapa sudah memberi jaminan bahawa dia akan berbincang dengan pegawai-pegawai Kementerian Kewangan mengenainya dan kami yakin kerajaan akan mengkaji cadangan ini sebelum membuat sebarang cadangan lanjut berhubung isu berkenaan," katanya semasa di temuramah RTM dan Bernama di pejabatnya di sini baru-baru ini.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya berkata sudah tiba masanya kerajaan mengumumkan langkah-langkah bagi meningkatkan pemilikan ekuiti kaum India memandangkan pihak-pihak berkuasa yang ada sekarang belum memiliki sebarang rancangan konkrit sejak kerajaan mengumumkan hasratnya meningkatkan pemilikan ekuiti kaum India kepada 3 peratus di bawah Rancangan Malaysia ke-lapan, yang akan berakhir pada tahun 2005.

"Selama ini, lain-lain kaum telah jauh meninggalkan kaum India di belakang dalam aspek pemilikan ekuiti dan kita sudah beritahu kerajaan tentang perkara ini beberapa kali, tapi selepas lebih tiga tahun sejak Rancangan Malaysia ke-8 dilaksanakan, kita masih belum dapat melihat sebarang penyelesaian terhadap masalah ini. Rancangan Malaysia ke-8 sudah 60 peratus disempurnakan," tambahnya.

Samy Vellu berkata demikian semasa diminta mengulas tentang Perhimpunan Agung Tahunan MIC yang akan berlangsung selama dua hari di Kompleks Belia dan Kebudayaan Shah Alam, yang akan bermula Sabtu ini.

Perhimpunan itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga adalah Menteri Kewangan, dan ia juga akan dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perhimpunan MIC itu akan menjadi perhimpunan agung tahunan parti komponen Barisan Nasional (BN) yang pertama kali dirasmikan oleh Abdullah sejak beliau menjawat jawatan Perdana Menteri pada bulan Okt tahun lepas.

Kebanyakan daripada pemimpin serta timbalan pemimpin daripada 14 parti komponen BN akan menghadiri perhimpunan itu. Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga turut diundang diundang ke majlis itu.

"Selama ini, lain-lain kaum telah jauh meninggalkan kaum India di belakang dalam aspek pemilikan ekuiti dan kita sudah beritahu kerajaan tentang perkara ini beberapa kali, tapi selepas lebih tiga tahun sejak Rancangan Malaysia ke-8 dilaksanakan, kita masih belum dapat melihat sebarang penyelesaian terhadap masalah ini. Rancangan Malaysia ke-8 sudah 60 peratus disempurnakan," tambahnya.

Samy Vellu berkata demikian semasa diminta mengulas tentang Perhimpunan Agung Tahunan MIC yang akan berlangsung selama dua hari di Kompleks Belia dan Kebudayaan Shah Alam, yang akan bermula Sabtu ini.

Perhimpunan itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga adalah Menteri Kewangan, dan ia juga akan dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perhimpunan MIC itu akan menjadi perhimpunan agung tahunan parti komponen Barisan Nasional (BN) yang pertama kali dirasmikan oleh Abdullah sejak beliau menjawat jawatan Perdana Menteri pada bulan Okt tahun lepas.

Kebanyakan daripada pemimpin serta timbalan pemimpin daripada 14 parti komponen BN akan menghadiri perhimpunan itu. Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga turut diundang diundang ke majlis itu.

Kira-kira 4,500 anggota MIC, termasuk 1,500 pemimpin bahagian dan 2,500 pemimpin peringkat cawangan dijangka akan menghadiri perhimpunan berkenaan.

"Kami akan membincangkan banyak isu, tapi saya jangka isu pendidikan dan ekonomi akan menjadi tumpuan utama dan cadangan-cadangan yang dibuat pada perhimpunan itu. Kami juga akan menghantar resolusi dan cadangan yang dibuat pada perhimpunan itu kepada kerajaan supaya mereka mengambil tindakan yang sewajarnya," kata Samy Vellu.

Beliau berkata 10 tahun akan datang ini adalah satu tempoh yang penting kepada masyarakat India di Malaysia kerana ini merupakan tempoh masyarakat akan melalui perubahan besar dari segi ekonomi dan lain-lain bidang.

Perhimpunan MIC 2004 akan juga menyaksikan pengenalan lagu rasmi parti yang baru, namun logo baru MIC yang ditunggu-tunggu tidak akan didedahkan pada masa itu.

Penukaran logo parti dicadangkan oleh Samy Vellu beberapa bulan lalu, namun sebarang perubahan dalam logo MIC akan memerlukan parti meminda perlembagaannya. Logo baru parti dijangka akan dikuatkuasakan pada Perhimpunan Agung berikutnya tahun depan.

MIC juga dijangka akan mengemukakan motto baru parti -- MIC Sentiasa Di Sisi Anda -- menggantikan motto lama -- MIC Penyayang -- pada Perhimpunan Agung kali ini.

Ia juga akan menyaksikan pindaan kepada perlembagaan parti bagi menukar nama sayap Belia dan Wanita parti kepada nam rasmi mereka Kongres Belia MIC dan Kongres Wanita MIC.

Selain itu, pindaan perlembagaan juga akan dengan rasminya mengiktiraf sayap parti Puteri, yang memulakan pergerakannya dua tahun lalu.

-- BERNAMA

SR AFY AZH